

# Ke arah kehidupan lebih baik

BH-14/4/2007

## PM lancar penambahbaikan drastik sistem penyampaian sektor hartanah di Malaysia

**M**ASALAH rumah lambat disiapkan dan mutu binaan yang tidak memenuhi piawaian dan spesifikasi serta kelewatan mengeluarkan Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) adalah antara isu yang sering diluahkan pembeli kediaman di negara ini. Isu itu bagaikan tiada kesudahannya dan sering menjadi paparan media.

Perkara ini mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan pada tahun lalu, beliau menyuarakan bahawa CFO diganti dengan Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) yang perlu ditandatangani perunding arkitek sebelum diluluskan.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, penggantian CFO dengan CCC bagi mempercepatkan proses pemilikan ternyata memberi manfaat kepada banyak pihak.

Sehubungan itu, kaedah penambahbaikan dalam urusan cadangan pemajuan serta penyenggaraan dan pengurusan harta-

nah yang diperkenalkan memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak yang terbabit serta perubahan minda dalam proses bekerja.

Untuk itu empat kaedah diperkenalkan iaitu konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) dengan tumpuan kepada pembeli dan pemaju bagi mengatasi isu kualiti rumah yang rendah dan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) pula adalah untuk menyelaras sistem aliran kerja bagi mempermudah kelulusan sesuatu pemajuan.

Untuk memastikan kualiti rumah terjamin, hanya profesional diberi kepercayaan mengeluarkan CCC dan pada masa yang sama semua pihak yang terbabit dalam sesuatu pembinaan bertanggungjawab.

Pesturuhjaya Bangunan (COB) diwujudkan untuk mengawal selia sesuatu pemajuan dalam tiga tempoh peringkat pemajuan dan tertakluk kepada Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan

Pengurusan) 2007 (Akta 663) yang dijangka dapat memperkemaskan aspek penyenggaraan dan pengurusan bangunan demi menjaga kepentingan semua pihak dengan sempurna dan teratur.

Bagi memperjelaskan kepada semua pihak yang terbabit dalam industri pembinaan, satu persidangan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan penambahbaikan urusan-urusan pemajuan serta penyenggaraan dan pengurusan hartanah diadakan semalam di Sunway Resort Hotel dan Spa.

Persidangan itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri adalah yang terbesar pernah dianjurkan dengan dihadiri kesemua Menteri Kabinet serta Ahli Parlimen dan Exco Negeri.

Pada majlis itu, Perdana Menteri melancarkan penggunaan CCC menggantikan CF dan selepas ini sistem baru penggunaan sijil itu yang pengeluarannya dikendalikan profesional membabitkan jurutera dan arkitek akan dikuatkuasakan.



**BERI SOKONGAN:** Abdullah dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting berkeyakinan CCC dapat mengatasi isu perumahan di negara ini.